

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

'Malaysia bukan negara sihat'

Rakyat diminta ubah sikap, tingkat kesedaran untuk jayakan program ANMS

Kuala Lumpur: Malaysia dianggap sebagai negara bukan sihat memandangkan jumlah rakyat yang menghadapi penyakit jantung dan obesiti adalah tinggi, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, kesedaran aspek kesihatan dalam kalangan rakyat juga masih pada tahap rendah.

"Kalau tanya saya sebagai menteri, adakah Malaysia negara sihat sekarang? Tidak.

"Kita antara negara kadar tertinggi dari segi obesiti, sakit jantung dan antara penyebab punca kematian COVID-19 di negara ini sebahagian besarnya daripada pesakit mengalami komobiditi atau kronik.

"Bayangkan di Malaysia seorang daripada dua rakyat obesiti



Khairy Jamaluddin (kiri) ketika temu bual mengenai Agenda Nasional Malaysia Sihat pada program Selamat Pagi Malaysia di Angkasapuri, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

termasuk diri saya, manakala seorang daripada empat rakyat Malaysia tidak amalkan kecergasan.

"Selain itu, seorang daripada 20 rakyat tidak mengamalkan pemakanan mengikut nutrisi yang betul.

"Mengikut statistik rasmi juga, setengah juta orang dewasa mengalami kemurungan.

"Saya percaya angka ini sebenarnya masih rendah daripada

realitinya," katanya ketika menjadi tetamu dalam program *Selamat Pagi Malaysia* di saluran TV1 RTM, semalam.

Susulan itu, dalam merealisasikan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), Khairy berkata, rakyat Malaysia perlu mengubah sendiri tingkah laku mereka dan meningkatkan kesedaran bagi melahirkan negara serta rakyat yang sihat secara sukarela tanpa mengharapkan kementeriaannya

atau kerajaan semata-mata.

Beliau berkata, aspek perubahan tingkah laku penting serta kesedaran untuk menjalani pemeriksaan kesihatan sendiri menjadi inisiatif ANMS.

"Kalau kita nak harapkan Kementerian Kesihatan saja untuk pantau prosedur operasi standard (SOP) dan keluarkan kompaun, memang tidak cukup tanggan.

"Kita mahu negara berjaya da-

ri segi pengurusan pandemik ini," katanya sambil memberi contoh Jepun berjaya menguruskan pandemik menerusi tingkah laku tanpa perlu mengeluarkan kompaun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam, melancarkan ANMS yang juga persediaan dan tindakan diambil bagi mempersiapkan Keluarga Malaysia mendepani dan mengharungi fasa endemik COVID-19.

Agenda ANMS dilaksanakan untuk tempoh 10 tahun iaitu mulai 2021 hingga 2030 dengan pelaksanaan dibahagikan kepada dua penggal iaitu penggal pertama bermula 2021 hingga 2025 dan penggal kedua bermula pada 2026 dan berakhir pada 2030.

Sementara itu, Khairy berkata, satu jawatankuasa ditubuhkan yang menghimpunkan semua kementerian terbabit bagi melaporkan langkah akan dilaksanakan untuk menzahirkan ANMS pada peringkat kementerian.

Beliau berkata, selain mengambil kira faktor kesihatan diri rakyat, agenda itu juga membatik kesihatan kualiti penguasaan bangunan baharu sebagai usaha mencegah COVID-19 yang boleh dijangkiti melalui udara.

BERNAMA

Empat teras utama pastikan kejayaan ANMS

Dari Muka 1

Majlis pelancaran itu turut disertai Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

ANMS dilaksanakan untuk tempoh 10 tahun, iaitu mulai tahun 2021 hingga 2030 dengan dibahagikan kepada dua penggal.

Penggal pertama bermula pada tahun ini sehingga 2025, manakala penggal kedua pula bermula pada 2026 dan akan berakhir 2030.

Perdana Menteri berkata, bagi menjayakan agenda berkenaan, kerajaan mengambil pendekatan *Whole of Nation*, iaitu Keseluruhan Negara dengan menjalin kerjasama yang erat dengan semua pihak untuk bergerak sebagai rakan strategik.

"Kerajaan bertanggungjawab merangka hala tuju, strategi dan inisiatif ANMS, manakala pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) adalah penggerak kepada strategi serta usaha yang telah dirangka atau inisiatif yang diperkenalkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, ANMS membatik empat teras utama iaitu memantapkan promosi pembudayaan hidup sihat; memantapkan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan; memperkasakan kawalan kesihatan sendiri dan memantapkan kebersihan persekitaran yang meliputi 10 strategi dan 24 inisiatif.

"Saya menaruh harapan tinggi bahawa menerusi ANMS, Keluarga Malaysia akan terus mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan, kekal dengan kehidupan norma baharu, mengambil vaksin serta mengamalkan kawalan kesihatan sendiri, seperti menjalani ujian dan kuarentin jika bergejala atau menjadi kontak rapat kepada kes positif COVID-19," katanya.

Menurut Ismail Sabri, agenda itu turut diberikan penekanan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) terutama dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan dan literasi kesihatan dalam kalangan rakyat.

Bagi tujuan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan turut memutuskan untuk membentuk Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan yang akan melaksanakan beberapa inisiatif, termasuk penganjuran program kesedaran penjagaan kesihatan yang akan dipergiatkan melalui pelbagai platform, pada semua peringkat dengan memanfaatkan fasiliti di bawah pelbagai agensi.

"Bagi memastikan literasi kesihatan Keluarga Malaysia dapat ditingkatkan, program pemba-

ngunan keupayaan Ejen Kesihatan Komuniti atau MyCHAMPION akan diperkukuhkan, terutama dalam usaha pendidikan dan promosi kesejahteraan kesihatan," katanya.

Dengan tahap literasi kesihatan yang tinggi, Ismail Sabri berharap Keluarga Malaysia akan mendapat maklumat kesihatan, membudayakan hidup sihat, membuat kawalan kesihatan sendiri sebagai tindakan awal mencegah penyakit dan menjaga kesihatan bagi mengelak komplikasi.

"Contohnya, Keluarga Malaysia dalam kalangan B40 akan mendapat akses kepada maklumat kesihatan, memahami kepentingan penjagaan kesihatan, dan melakukan saringan kesihatan percuma melalui program skim PekaB40.

"Ini membolehkan kita mengenal pasti risiko kesihatan lebih awal dan menjalani intervensi kesihatan sama ada di *Wellness Hub* (Hab Sejahtera), klinik kesihatan dan hospital mengikut status kesihatan," katanya.

Sementara itu, Khairy menjeniskan ANMS adalah satu agenda nasional yang amat penting sejajar dengan peralihan negara daripada fasa pandemik COVID-19 ke era pasca pandemik.

Katanya, ketika ini banyak ne-

geri sudah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan secara keseluruhan Malaysia berada di dalam fasa peralihan.

"Dalam peralihan ke fasa endemik ini, rakyat perlu bersedia untuk hidup dengan COVID-19 kerana virus itu akan sentiasa

ada, maka mereka perlu memastikan langkah-langkah pencegahan dan SOP sentiasa diamalkan," katanya.

Beliau berkata, agenda itu bukan sekadar kempen publisiti tetapi ia adalah satu gerakan yang boleh diukur dengan beberapa indikator yang penting.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

'Tiada data lengkap punca larangan guna Ivermectin'

KKM ambil kira aspek keselamatan, kepentingan rakyat

Oleh Rohaniza Idris dan Muhammad Yusri Muzamir
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Larangan penggunaan Ivermectin dalam rawatan COVID-19 dibuat selepas mengambil kira aspek keselamatan dan kepentingan rakyat.

Timbangan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) ketika ini belum mempunyai data lengkap mengenai kesan sampingan ubat antiparasit itu yang penggunaannya dikehendaki bagi haiwan.

Beliau berkata, KKM juga belum mengetahui secara jelas mengenai kesan lain susulan pengambilan ubat berkenaan secara *off-label*.

"Kita bimbang dan takut dos penyerapan atau apa-apa berkaitannya (Ivermectin) boleh memberi kesan kepada manusia, sebab itu kajian dilakukan.

"Bukan kerajaan tidak mahu beri (kelulusan penggunaan Ivermectin secara *off-label*) tetapi kita memikirkan keselamatan dan kepentingan rakyat," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan R Sivarajah (PKR-Sungai Buloh) mengenai keputusan kerajaan menghalang penggunaan Ivermectin secara *off-label* pada sesi lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Ivermectin ialah sejenis ubat antiparasit diluluskan Pentadbiran Makanan dan Ubat-Obatan (FDA), digunakan secara meluas bagi merawat beberapa penyakit tropika terabai, termasuk onchocerciasis, strongyloidiasis dan helminthiasis.

Menjawab soalan asal Oscar Ling Chai Yew (DAP-Sibu) mengenai perkembangan I-TECH, Dr Noor Azmi berkata, kadar kemerosotan penyakit COVID-19 kepada tahap teruk adalah sama dalam kumpulan Ivermectin, berbanding kumpulan 'standard of care'.

Katanya, keputusan I-TECH selari dengan kajian berskala besar seperti IVERCOR-COVID19 dari Argentina dan TOGETHER dari Brazil, yang tidak menyokong penggunaan rutin Ivermectin dalam amalan klinikal rawatan COVID-19.

Kajian klinikal 'open-label randomised trial' itu menilai keberkesanan rawatan lima hari Ivermectin (0.4mg/kg/hari) berserta penjagaan standard (kumpulan IVM), berbanding hanya penjagaan standard (kumpulan SOC) berdasarkan garis panduan KKM bagi pesakit COVID-19 di 20 hospital kerajaan serta Pusat Kua-

rantin dan Rawatan COVID-19 MAEPS 2.0.

Hasilnya, purata tempoh kemerosotan penyakit COVID-19 daripada kategori 2 dan 3 kepada lebih teruk pula menunjukkan tiada perbezaan signifikan dari segi statistik berkaitan antara kumpulan IVM dan 'standard of care'.

Analisis keselamatan melaporkan kesan sampingan adalah tiga kali lebih kerap berlaku dalam kumpulan IVM berbanding SOC, yang mana kebanyakannya adalah kes cirit-birit.

Kebarangkalian pulih daripada gejala sepenuhnya pada hari kelima penyerapan antara kumpulan IVM dan SOC adalah hampir sama, yang mana tiada perbezaan signifikan dari segi statistik.

"Berdasarkan kajian I-TECH, Ivermectin tidak disyorkan untuk dimasukkan ke dalam garis panduan rawatan COVID-19 sedia ada kerana ia tidak mengurangkan risiko penyakit COVID-19 tahap teruk.

"Ja disarankan hanya digunakan dalam kajian klinikal dengan pemantauan, selain pasukan kajian I-TECH bercadang menghantar data kajian untuk diterbitkan dalam jurnal *peer-reviewed* bagi memberi maklumat tambahan kepada kajian Ivermectin, termasuk meta-analysis," katanya.



Dr Noor Azmi Ghazali

40 peratus tidak hadir janji temu suntikan penggalak

Kuala Lumpur: Sebanyak 40 peratus golongan sasaran yang diberikan janji temu untuk mendapatkan suntikan kedua dos penggalak vaksin COVID-19, tidak hadir untuk menerima suntikan masing-masing.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata situasi itu merisaukan kerana jumlah kehadiran penerima untuk dos pertama dan kedua vaksin adalah tinggi iaitu lebih 95 peratus.

"Pada masa itu, semua takut mengenai COVID-19, tetapi sekarang apabila kadar jangkitan dan kematian sudah menurun, kita lihat sudah mula ada norma baharu untuk mereka hidup dengan virus ini.

"Mereka rasa leka dan apabila dijemput untuk mendapatkan dos penggalak, mereka tidak hadir dan rasa tidak perlukan dos penggalak itu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Bual Bicara Kesihatan menerusi slot Selamat Pagi Malaysia di TV1, sempena pelancaran Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam.

Pada program itu, Khairy merayu pihak yang diberikan tarikh untuk menerima suntikan dos penggalak supaya memenuhkan janji temu berkenaan.

"Dos penggalak itu akan melindungi kita untuk jangka lebih panjang daripada kesan buruk akibat COVID-19," katanya.

Khairy berkata, umum perlu

mengetahui negara lain yang sudah memulakan program vaksinasi lebih awal dari Malaysia, mengalami gelombang jangkitan COVID-19 yang baharu.

Katanya, keberkesanan vaksin menurun selepas tempoh enam bulan menyebabkan dos penggalak diberi bagi merangsang semula sistem imun badan.

"Selepas menerima dua dos, sistem imun kita memang sudah bagus untuk melawan Sars-CoV-2 dan COVID-19, tetapi selepas enam bulan, ketahanannya menurun sedikit, justeru ia memerlukan sedikit rangsangan melalui dos ketiga," katanya.

Khairy berkata, dos ketiga itu digalakkan diambil pada mereka yang berisiko tinggi, termasuk petugas barisan hadapan, warga emas dan kumpulan komorbid. Selain itu, katanya, kadar bolehjangkitan terkini sudah mencecah 0.99 berbanding 0.90 dua minggu lalu.

"Ramai sudah mula leka, sekiranya kadar itu lebih daripada paras 1, kes (jangkitan COVID-19) akan meningkat disebabkan mobiliti pergerakan rakyat kita pun meningkat susulan kerajaan membenarkan rentas negeri, pembukaan sektor ekonomi sosial dan sebagainya.

"Kementerian Kesihatan (KKM) sudah menjangka perkara ini dan kita bersiap sedia. Kita harap jika berlaku kenaikan kes, ia hanya membabitkan kes bergejala ringan atau tanpa gejala kerana program vaksinasi kita antara yang terbaik di dunia," katanya.

Kes baharu kekal lebih 6,000

Putrajaya: Angka jangkitan harian COVID-19 di negara ini kekal melebihi 6,000 kes, dua hari berturut-turut, dengan 6,323 kes dilaporkan setakat jam 12 tengah semalam, berbanding 6,243 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah individu yang sudah dijangkiti virus berkenaan kini meningkat kepada 2,528,821 kes.

Jangkitan baharu semalam yang tertinggi dalam tempoh 14 hari sejak 28 Oktober lalu.

Pada 7 November lalu, kes ba-

haru yang dicatatkan 4,343 kes iaitu terendah dalam tempoh 175 hari sejak 16 Mei lalu.

Namun, jumlah kemasukan hospital di seluruh negara bagi seminggu lalu menurun sebanyak 3.3 peratus, berbanding tujuh hari sebelum ini.

Beberapa negeri mengalami peningkatan kemasukan hospital terutama Melaka (+30.0 peratus) dan Negeri Sembilan (+10.9 peratus).

Selain itu, data Kementerian Kesihatan (KKM) di laman COVIDNOW menunjukkan, seramai 22,248,737 individu atau 95 peratus populasi dewasa di negara ini

lengkap menerima suntikan vaksin COVID-19, setakat jam 11.59 malam kelmarin.

Dalam perkembangan berkaitan, KKM semalam mengesan 48 lagi kes baharu yang dijangkiti varian membimbangkan (VOC) Delta.

Dr Noor Hisham berkata, varian itu dikesan hasil kajian oleh Integrative Pharmacogenomics Institute (IPROMISE) Universiti Teknologi MARA (UiTM).

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes virus SARS-CoV-2 dikategorikan VOC dan Variant of Interest (VOI) sebanyak 3,830 kes," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : COVID-19

AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT

Langkah harungi fasa endemik virus

Bernama

Kuala Lumpur

Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang dilancarkan, semalam adalah persediaan dan tindakan yang diambil bagi mempersiapkan Keluarga Malaysia dalam menghadapi fasa endemik Covid-19, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, ANMS bertujuan membudayakan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan Keluarga Malaysia, di samping berusaha menjadikan Keluarga Malaysia sihat sejahtera sepanjang hayat. Katanya, agenda itu adalah pakej kesejahteraan kesihatan yang diteliti, dirancang dan diperkenalkan oleh kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai peneraju utama dan disertai secara langsung oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan di samping pembabitkan kementerian atau agensi kerajaan yang lain.

"Agenda ANMS dilaksanakan untuk tempoh 10 tahun, iaitu mulai 2021 hingga 2030. Pelaksanaannya dibagikan kepada dua penggal; iaitu penggal pertama bermula pada 2021 sehingga 2025, dan penggal kedua pula bermula pada 2026 dan akan berakhir pada 2030," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan ANMS yang disiarkan menerusi program Selamat Pagi Malaysia di saluran TV1, semalam. Ismail Sabri berkata, bagi menja-

yakan agenda berkenaan, kerajaan mengambil pendekatan Keseluruhan Negara dengan menjalin kerjasama yang erat dengan semua pihak untuk bergerak sebagai rakan strategik.

"Kerajaan bertanggungjawab merangka hala tuju, strategi dan inisiatif ANMS, manakala pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) adalah penggerak kepada strategi serta usaha yang sudah dirangka atau inisiatif yang diperkenalkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, ANMS membabitkan empat teras utama iaitu memantapkan promosi pembudayaan hidup sihat; memantapkan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan; memperkasakan kawalan kesihatan sendiri dan memantapkan ke-

bersihan persekitaran, yang meliputi 10 strategi dan 24 inisiatif.

"Saya menaruh harapan tinggi bahawa menerusi ANMS, Keluarga Malaysia akan terus mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang sudah ditetapkan, kekal dengan kehidupan norma baru, mengambil vaksin serta mengamalkan kawalan kesihatan sendiri seperti menjalani ujian dan kuarantin jika bergejala atau menjadi kontak rapat kepada kes positif Covid-19," katanya.

Menurut Ismail Sabri, agenda itu turut diberikan penekanan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) terutamanya dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, dan antara strategi yang akan digunakan dalam RMK12 berkaitan kesejahteraan kesihatan ialah meningkatkan literasi kesihatan serta kesedaran mengenai kesihatan dalam kalangan Keluarga Malaysia.




ISMAIL Sabri

Pelajar UiTM Lendu positif Covid-19

Melaka: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka mengesahkan seorang pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Lendu, positif Covid-19 selepas menghadiri program kepimpinan di sebuah resort di Alor Gajah di sini, baru-baru ini.

Pengarahnya Dr Rusdi Abd Rahman berkata, kes itu dikesan selepas Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Alor Gajah menerima notifikasi daripada Klinik UiTM Lendu mengenai seorang pelajar didapati positif Covid-19 selepas saringan Ujian Rapid Antigen (RTK-Ag).

Selain pelajar itu, katanya, terdapat lapan lagi pelajar mengalami gejala dan tanda



jangkitan saluran pernafasan atas (URTI).

"Siasatan lanjut mendapati semua pelajar itu menghadiri program kepimpinan anjuran sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dari 3 hingga 7 November lalu di sebuah resort di Alor Gajah.

"Sekurang-kurangnya 45 pelajar didapati menghadiri majlis itu membabitkan pel-

bagai cawangan UiTM dari Melaka," katanya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan, semalam.

Beliau berkata, susulan itu semua sembilan pelajar terbabit menjalani ujian reaksi rantai polimerase (PCR) Covid-19 dan keputusan dijangka diperoleh dalam tempoh terdekat.

"Pelajar lain yang menjadi kontak rapat kepada kes disyaki Covid-19 sedang dikenal pasti untuk diisolasi sebagai langkah awal mengekang penularan jangkitan.

"Beberapa Kolej Kediaman Pelajar UiTM Lendu, diberikan notis penutupan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit

Berjangkit 1988 bermula 11 November hingga 20 November ini," katanya.

Dr Rusdi berkata, JKN memandang serius berhubung perkara itu dan siasatan lanjut sedang dijalankan dengan terperinci.

"Orang ramai yang menjadi kontak rapat kepada mereka disarankan untuk kuarantin sendiri dan menghubungi Bilik Gerakan PKD Alor Gajah untuk saringan segera," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial kes positif dikesan berlaku dalam kalangan pelajar UiTM Lendu yang didakwa berpucca daripada program anjuran sebuah NGO dan turut dihadiri orang kenamaan.

22,248,737 individu lengkap dos vaksin

Kuala Lumpur: Seramai 22,248,737 individu atau 95 peratus populasi dewasa di negara ini lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19, setakat 11.59 malam kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di laman COVIDNOW, sejumlah 97.5 peratus atau 22,838,398 individu dewasa pula sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sejumlah 131,240 dos vaksin harian diberikan kelmarin membabitkan 37,689 suntikan dos lengkap; 7,650 menerima dos pertama dan 85,901 pula menerima suntikan dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kini meningkat kepada 50,804,374.

Setakat kelmarin juga, seramai 2,442,373 atau 77.6 peratus individu bagi golo-

PECAHAN JANGKITAN MENGIKUT NEGERI 10 NOVEMBER 2021



ngan remaja berusia 12 hingga 17 tahun lengkap divaksin, manakala 86.6 peratus atau 2,725,876 individu pula menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Selain itu, jumlah kumulatif dos penggalak pula kini sebanyak 731,635.

'Malaysia bukan negara sihat'

Kuala Lumpur: Malaysia dianggap sebagai negara bukan sihat memandangkan jumlah rakyatnya yang menghidapi penyakit jantung dan obesiti adalah tinggi, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, kesedaran tentang aspek kesihatan dalam kalangan rakyat juga masih berada di tahap rendah.

"Kalau tanya saya sebagai menteri, adakah Malaysia negara sihat sekarang? Tidak. Kita antara negara kadar tertinggi dari segi obesiti, sakit jantung dan antara penyebab punca kematian Covid-19 di negara ini adalah sebab sebab-bahagian besar daripada pesakit mengalami komorbiditi atau kronik.

"Bayangkan di Malaysia seorang daripada dua rakyat obesiti, termasuk diri saya

manakala seorang daripada empat rakyat Malaysia tidak amalkan kecergasan. Selain itu, seorang daripada 20 rakyat tidak mengamalkan pemakanan mengikut nutrisi yang betul.

"Mengikut statistik rasmi juga, setengah juta orang dewasa mengalami kemurungan. Saya percaya angka ini sebenarnya masih rendah daripada realitinya," katanya semasa menjadi tetamu dalam program Selamat Pagi Malaysia di saluran TV1 semalam.

Oleh itu, dalam merealisasikan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), Khairy berkata, rakyat Malaysia perlu mengubah sendiri tingkah laku mereka serta meningkatkan kesedaran bagi melahirkan negara dan rakyat yang sihat secara sukarla tanpa mengharapkan kementerian atau kerajaan semata-mata.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

KKM puas hati pematuhan SOP



Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berpuas hati dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, kata menternya Khairy Jamaluddin.

Beliau bagaimanapun menasihatkan pemimpin politik supaya menunjukkan kepimpinan melalui teladan agar rakyat turut mematuhi SOP dikeluarkan.

"Secara keseluruhan, KKM melihat pematuhan SOP adalah baik namun malangnya ada juga yang tidak patuh seperti pemimpin dan ahli politik. Sepatutnya mereka (pemimpin dan ahli politik) menunjukkan teladan yang baik."

"Sepatutnya mereka lebih memahami dan mungkin apabila ke lapangan, minta kurangkan pegawai pengiring. Apabila terlalu ramai mengiring pemimpin itu, susah jaga jarak fizikal," katanya kepada pemberita selepas menjadi tetamu program Selamat Pagi Malaysia di TV1 semalam.

Khairy minta pemimpin kurangkan pegawai pengiring

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan tarikh mengundi PRN Melaka pada 20 November dan undi awal pada 16 November susulan pembubaran Dewan Undangan Negeri Melaka pada 4 Oktober lepas selepas empat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) menarik sokongan terhadap Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali.

Sementara itu, mengenai 40 peratus individu yang tidak hadir selepas menerima janji temu vaksinasi dos penggalak Covid-19, Khairy berkata KKM akan meningkatkan komunikasi untuk memastikan semua penerima janji temu dos itu hadir menerima suntikan.

Beliau berkata, bukti dos penggalak itu selamat digunakan akan dimaklumkan kepada individu ter-
babit terutamanya bagi melindungi orang ramai daripada ancaman virus Covid-19.

"Kita akan pastikan mereka yang dah terima janji temu *booster* (dos penggalak) dapat menepati janji temu yang diberikan. Kita akan tunjukkan bukti bahawa ia selamat dan digalakkan untuk melindungi terutama orang tua daripada kesan buruk virus," katanya.

Beliau memaklumkan peratusan itu menerusi ciapan di Twitter rasminya semalam dan berkata jumlah ke-
masuk ke hospital akan meningkat se-
kiranya bilangan mereka yang menerima dos penggalak itu kekal rendah.



"Apabila terlalu ramai mengiring pemimpin itu, susah jaga jarak fizikal"

Khairy

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Empat teras jayakan Agenda Nasional Malaysia Sihat

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

PUTRAJAYA — Kerajaan melancarkan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dengan matlamat membudayakan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan Keluarga Malaysia semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ANMS merupakan pakej kesejahteraan kesihatan yang diteliti, dirancang dan seterusnya diperkenalkan oleh kerajaan melalui Kementerian Kesihatan (KKM) sebagai penggerak utama dan disertai secara langsung oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"ANMS yang diterajui dua kementerian ini, dan penglibatan kementerian atau agensi kerajaan yang lain, merupakan persediaan dan tindakan yang diambil



ISMAIL SABRI menekankan gaya hidup sihat bagi semua Keluarga Malaysia.

bagi mempersiapkan Keluarga Malaysia dalam mendepani fasa endemik Covid-19.

"ANMS bertujuan membudayakan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan Keluarga

Malaysia. Agenda ini berusaha untuk menjadikan kita sihat sejahtera sepanjang hayat," katanya ketika berucap merasmikan ANMS yang disiarkan menerusi saluran RTM semalam.

Ismail Sabri berkata, bagi



ANMS yang diterajui dua kementerian ini, dan penglibatan kementerian atau agensi kerajaan yang lain, merupakan persediaan dan tindakan yang diambil bagi mempersiapkan Keluarga Malaysia dalam mendepani dan mengharungi fasa endemik Covid-19."

menjayakan ANMS, kerajaan mengambil pendekatan *Whole of Nation* iaitu Keseluruhan Negara dengan menjalinkan kerjasama yang erat dengan semua pihak untuk bergerak sebagai rakan strategik.

Ujarnya, kerajaan bertanggungjawab merangka hala tuju, strategi dan inisiatif ANMS, manakala pihak swasta dan badan bukan kerajaan adalah penggerak kepada strategi serta usaha yang telah dirancang atau inisiatif yang diperkenalkan.

"ANMS dilaksanakan untuk tempoh 10 tahun, iaitu mulai 2021 hingga 2030. Pelaksanaan-nya dibahagikan kepada dua penggal iaitu penggal pertama bermula pada 2021 sehingga 2025, dan penggal kedua pula bermula pada 2026 dan akan berakhir pada 2030," katanya.

Ia melibatkan empat teras utama, 10 strategi, dan 24 inisiatif.

Empat Teras Utama tersebut, katanya, adalah Memantapkan Promosi Pembudayaan Hidup Sihat, Memantapkan Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan, Memperkasakan Kawalan Kesihatan Kendiri dan Memantapkan Kebersihan Persekitaran.

Malaysia dalam kategori negara tidak sihat

Satu daripada dua rakyat ada obesiti

PETALING JAYA — Kesedaran mengenai aspek kesihatan yang masih rendah dalam kalangan rakyat menjadikan Malaysia dikategorikan sebagai sebuah negara yang tidak sihat.

Perkara tersebut dimaklumkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berdasarkan statistik yang menunjukkan Malaysia antara negara tertinggi dalam beberapa masalah kesihatan termasuk penyakit jantung.

"Kadar kematian yang tinggi di negara ini akibat Covid-19 banyak berkait rapat dengan mereka yang merupakan pengidap penyakit kronik. Bayangkan di Malaysia, satu daripada dua rakyat obesiti termasuk saya, manakala satu daripada empat rakyat Malaysia tidak mengamalkan kecergasan.

"Selain itu, satu daripada 20 rakyat tidak makan mengikut nutrisi yang betul di samping setengah juta orang dewasa mengalami kemurungan. Saya percaya angka ini sebenarnya masih rendah daripada realitinya," katanya ketika menjadi tetamu dalam sebuah rancangan televisyen semalam.

Beliau turut memberitahu, perubahan tingkah laku sangat penting dalam melahirkan negara dan rakyat yang sihat tanpa mengharap kerajaan semata.

"Pematuhan prosedur ope-



KHAIRY JAMALUDDIN

MALAYSIA antara negara tertinggi hidap masalah kesihatan termasuk penyakit jantung. — GAMBAR HIASAN

rasi standard (SOP) bagi mengekang penularan Covid-19 dalam kalangan rakyat negara ini sudah cukup menggambarkan tahap kesedaran yang masih rendah.

"Berdasarkan tinjauan, 95 peratus rakyat memberitahu akan mengikut SOP yang ditetapkan,

namun masih ada yang meletakkan pelitup muka di bawah dagu. Sebab itu saya katakan untuk kita beralih, perkara ini penting.

"Kita perlu laksanakan perubahan tingkah laku. Tanpa mengharapkan kerajaan melakukannya," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DEBARAN PRN MELAKA

KKM puas hati pematuhan SOP

Namun masih ada pemimpin politik tidak tunjuk teladan yang baik

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berpuas hati dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, kata Menteriinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau bagaimanapun menasihatkan pemimpin politik supaya menunjukkan kepimpinan melalui teladan agar rakyat turut mematuhi SOP yang dikeluarkan.

“Secara keseluruhan, KKM melihat pematuhan SOP adalah baik namun malangnya ada juga yang tidak patuh seperti pemimpin dan ahli politik. Sepatutnya mereka (pemimpin dan ahli politik) menunjukkan teladan yang baik.

"Sepatutnya mereka ini lebih memahami dan mungkin apabila ke lapangan, minta kurangkan pegawai pengiring. Apabila terlalu ramai orang yang mengiring seseorang pemimpin itu, susah untuk menjaga jarak fizikal," katanya

kepada pemberita selepas menjadi tetamu program Selamat Pagi Malaysia di TV1 pada Khamis.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan tarikh mengundi PRN Melaka pada 20 November dan undi awal pada 16 November susulan pembubaran Dewan Undangan Negeri Melaka pada 4 Oktober lalu selepas empat Ahli Dewan Undangan Negeri menarik sokongan terhadap Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali.

Sementara itu, mengenai kira-kira 40 peratus individu yang tidak hadir selepas menerima janji temu vaksinasi dos penggalak Covid-19, Khairy berkata, KKM akan meningkatkan komunikasi untuk memastikan kesemua penerima janji temu dos itu hadir menerima suntikan.

Beliau berkata, bukti bahawa dos penggalak itu selamat digunakan akan dimaklumkan kepada individu terbabit terutamanya bagi melindungi orang ramai daripada ancaman virus Covid-19.

"Kita akan pastikan mereka yang dah terima janji temu booster (dos penggalak) dapat menepati janji temu yang diberikan. Kita akan tunjukkan bukti bahawa ia selamat dan sangat digalakkan untuk melindungi terutamanya orang tua daripada kesan buruk virus," katanya. - Bernama

SOP KEMPAHAN PILIHAN RAYA

TEMPOH

12
HARI

8 NOV -
19 NOV 2021
@ 11.59 MALAM

TIDAK DIBENARKAN

Ceramah / syarahan / kempen secara fizikal	✗
Kempen ziarah rumah ke rumah	✗
Walkabout	✗
Edar risalah kepada orang awam secara bersemuka	✗
Bilik gerakan parti yang kecil	✗

✓ Memasang kain rentang & bunting dalam kawasan pilihan raya




✓ Edar risalah kempen di peti surat penduduk



✓ Kempen menerusi laman sosial seperti

- Facebook / Instagram
- Twitter / Youtube
- Wechat / Snapchat
- Telegram / Whatsapp



1m



✓ Parti perlu memohon kebenaran fizikal 1 meter

• Hanya 3 orang untuk edar risalah

✓ Kempen menerusi pembesar suara yang dipapung pada lantunan

• Parti dapatan permit polis

• Tempoh masa & lokasi tertakluk kepada permit

✓ Hanya 1 bilik gerakan parti boleh beroperasi bagi setiap calon di setiap DUN

• Had kapasiti 50% ruang dengan penjarakan fizikal

• Jentera terbitan dikehendaki

SOP - Prosedur operasi standard

RTR - Ruj. Yutan Pantas

DUN - Dewan Undangan Negeri

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 13
 RUANGAN : NASIONAL

Malaysia bukan negara sihat - Khairy

FOTO: BERNAMA

Kesedaran aspek kesihatan masih rendah, jumlah rakyat hidap penyakit jantung dan obesiti adalah tinggi

KUALA LUMPUR

Malaysia dianggap sebagai negara bukan sihat memandangkan jumlah rakyatnya yang menghadapi penyakit jantung dan obesiti adalah tinggi, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata, kesedaran tentang aspek kesihatan dalam kalangan rakyat juga masih berada di tahap rendah.

"Kalau tanya saya sebagai menteri, adakah Malaysia negara sihat sekarang? Tidak. Kita antara ne-

Khairy (kiri) bersama pengacara program Selamat Pagi Malaysia, Ismail Adnan (kanan) dan Zaleha Khalfene Ismail ketika ditemu bual mengenai ANMS di Wisma Berita, Angkasapuri pada Khamis.



gara kadar tertinggi dari segi obesiti, sakit jantung dan antara penyebab punca kematian Covid-19 di negara ini adalah sebab sebahagian besar daripada pesakit mengalami komorbiditi atau kronik.

"Bayangkan di Malaysia seorang daripada dua rakyat terlebih berat badan atau

obesiti termasuk diri saya, manakala seorang daripada empat rakyat tidak amalkan kecergasan. Selain itu, hanya seorang daripada 20 rakyat mengamalkan pemakanan mengikut nutrisi yang betul.

"Mengikut statistik rasmi juga, setengah juta orang dewasa mengalami kemurungan. Saya percaya angka ini sebenarnya masih rendah daripada realiti-

nya," katanya semasa menjadi tetamu dalam program Selamat Pagi Malaysia di saluran TV1.

Oleh itu, dalam merealisasikan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), Khairy berkata, rakyat Malaysia perlu mengubah sendiri tingkah laku mereka serta meningkatkan kesedaran bagi melahirkan negara dan rakyat yang sihat secara sukarela tanpa

mengharapkan kementerian atau kerajaan semata-mata.

Beliau berkata, aspek perubahan tingkah laku penting serta kesedaran untuk menjalani pemeriksaan kesihatan sendiri menjadi inti pati ANMS.

"Kalau kita nak harapkan Kementerian Kesihatan sahaja untuk pantau prosedur operasi standard (SOP) dan keluarkan kompaun, memang tak cukup tangan. Kita nak negara berjaya dari segi pengurusan pandemik ini," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, satu jawatankuasa ditubuhkan yang menghimpunkan semua kementerian terlibat bagi melaporkan langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk menzahirkan ANMS di peringkat kementerian.

Katanya, selain mengambil kira faktor kesihatan diri rakyat, agenda itu juga meliputi kesihatan kualiti pengudaraan melibatkan bangunan baharu sebagai usaha mencegah Covid-19 yang boleh dijangkiti melalui udara. - Bernama

LAPORAN MUKA DEPAN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

80% rakyat guna hospital kerajaan

Petugas perubatan kontrak wajar diserap

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
fadhlullah.adnan@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira 80 peratus penduduk di negara ini dirawat oleh doktor yang bertugas di perkhidmatan kerajaan berbanding pegawai perubatan swasta, sekali gus menjadi bu-

ti bahawa perkhidmatan doktor kerajaan sangat diperlukan.

Sehubungan itu, amat wajar petugas perubatan berstatus kontrak di semua hospital kerajaan bukan sahaja dikekalkan, malah diserap ke jawatan tetap bagi mengelakkan kekurangan doktor dan menjejaskan perkhidmatan

kesihatan negara.

Jurucakap Gerakan Hartal Doktor Kontrak, Dr. Muhammad Yassin berkata, realitinya ialah negara masih memerlukan ramai lagi doktor di hospital dan klinik kerajaan kerana bilangan pesakit semakin ramai.

"Meskipun nisbah doktor dengan penduduk negara ini

boleh dianggap mencukupi dan menepati nisbah yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), namun nisbah itu juga termasuk mereka yang berkhidmat di perkhidmatan swasta yang hanya merawat 20 peratus penduduk.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI



ANGKATAN Tentera Malaysia membantu jururawat menyediakan barang keperluan rawatan sebelum menerima pesakit di Hospital Medan Kepala Batas, Pulau Pinang. - UTUSAN/MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN

80% rakyat guna hospital kerajaan

Dari muka 1

"Jika jumlah doktor swasta itu dikeluarkan, apakah nisbah doktor kerajaan dengan penduduk masih menepati kehendak antarabangsa," soalnya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan, meskipun nisbah seorang doktor dengan 454 penduduk negara dianggap memenuhi saranan WHO, agihan penempatan doktor yang tidak seimbang antara kawasan menambah lagi permasalahan kepada isu doktor.

Presiden Persatuan Peruba-

tan Malaysia (MMA), Dr. Koh Kar Chai berkata, berlaku keadaan jumlah doktor yang sepatutnya di kawasan tertentu tidak mencukupi, tetapi ada pula kawasan lain yang terlebih bilangannya.

Dr. Muhammad Yassin seterusnya berkata, kerajaan perlu memastikan doktor-doktor kontrak yang sudah sedia ada dalam sistem kesihatan negara dikekalkan dengan memberi jawatan tetap.

"Jika ramai doktor tinggalkan Kementerian Kesihatan, maka kita akan berdepan kekurangan doktor di masa hadapan.

"Apabila itu berlaku, rakyat terpaksa tunggu lama untuk

berjumpa dengan doktor, tunggu lama semata-mata untuk dapatkan tarikh pembedahan dan tunggu lagi untuk dibedah pula, tunggu lama untuk dapatkan rawatan kecemasan dan bagi yang tak sanggup menunggu, mereka terpaksa ke (perkhidmatan) swasta walaupun mungkin terpaksa berhutang," jelasnya.

Selasa lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dalam sidang Parlimen berkata, tiada jaminan untuk menyerap semua doktor kontrak ke perkhidmatan tetap dan kerajaan akan membuat unjuran jumlah yang diperlukan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Malaysia bukan negara sihat

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**
hafiz.yusoff@mediamulla.com.my


PETALING JAYA: Malaysia dikategorikan sebagai bukan negara sihat berdasarkan kesedaran aspek kesihatan dalam kalangan rakyat yang masih rendah.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, perkara itu terbukti menerusi statistik yang menunjukkan Malaysia antara negara tertinggi dalam beberapa masalah kesihatan termasuk sakit jantung.

Malah, katanya, kadar kematian yang tinggi di negara ini akibat Covid-19 banyak berkait rapat dengan mereka yang merupakan penghidap penyakit kronik.

"Bayangkan di Malaysia satu daripada dua rakyat obesiti termasuk saya. Manakala satu daripada empat rakyat Malaysia tidak amalkan kecergasan.

"Selain itu, satu daripada 20 rakyat tidak makan mengikut nutrisi yang betul di samping



setengah juta orang dewasa mengalami kemurungan. Saya percaya angka ini sebenarnya masih rendah daripada realiti," katanya semasa menjadi tetamu dalam sebuah rancangan

televisyen semalam.

Sehubungan, itu Khairy berkata, perubahan tingkah laku sangat penting untuk melahirkan negara dan rakyat yang sihat dengan tidak mengharap-

kan kerajaan semata-mata.

Sebagai contoh, menurutnya, pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengengkang penularan Covid-19 dalam kalangan rakyat negara ini sudah cukup menggambarkan tahap kesedaran yang masih rendah.

"Berdasarkan tinjauan, 95 peratus rakyat cakap akan ikut SOP. Tapi pematuhan SOP tidak ketat. Rakyat kita sendiri contoh pakai pelitup muka ada yang tutup bawah dagu. Perkara paling mudah. Sebab itu saya katakan untuk kita beralih perkara ini sangat penting.

"Justeru, kita perlu laksanakan apa yang disebut sebagai perubahan tingkah laku. Jika nak mengharapkan Kementerian Kesihatan di lapangan dan bertindak, kita tidak cukup tangan. Kita boleh lihat negara maju seperti Jepun yang berjaya menguruskan pandemik menerusi tingkah laku tanpa perlu mengeluarkan kompaun," jelasnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

RM300,000 hingga RM1.2 juta lahirkan doktor

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofisa@mediamula.com.my

KUANTAN: Kos melahirkan doktor bertauliah yang mencecah RM300,000 seorang memerlukan kerajaan menyerap semua doktor kontrak ke jawatan tetap supaya berbaloi dengan pelaburan dibuat.

Kos diperlukan itu membatinkan jangka masa pengajian lima ke enam tahun.

Dianggarkan, purata kos seorang pelajar setahun adalah kira-kira RM60,000 melibatkan pengajian dalam negara.

Jika di luar negara, kos dianggarkan RM600,000 di India dan melebihi RM1.2 juta jika menuntut di United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS) dan beberapa negara Eropah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Pertubuhan Doktor-doktor Islam Malaysia (Perdim), Datuk Dr. Ahmad Shukri Ismail berkata, langkah terbaik adalah menyerap doktor kontrak ke jawatan tetap.

Menurutnya, tanggungjawab itu perlu dipikul dan dilaksana-



GERAKAN Hartal Doktor Kontrak menegaskan isu doktor kontrak sudah berlarutan sejak lima tahun lalu. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

kan kerajaan kerana kos mengeluarkan seorang doktor bertauliah bukan murah.

Katanya, malah pegawai perubatan kontrak berkenaan sudah bersedia untuk berkhidmat.

"Kerajaan juga perlu mengurangkan pengambilan pelajar perubatan di semua fakulti perubatan berpandukan penawaran dan permintaan.

"Nilai semula standard Fakulti Perubatan di Malaysia. Sewajarnya setiap universiti yang mempunyai fakulti perubatan perlu ada hospital sendiri sekurang-kurangnya dilengkapi 300 katil.

"Bukan seperti sekarang, semuanya tertumpu dan bergantung kepada hospital kerajaan. Mereka perlu berdikari barulah

ada kajian dan mendapatkan peralatan secukupnya untuk pengajian lepasan ijazah," katanya di sini semalam.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, Gerakan Hartal Doktor Kontrak mempersoalkan langkah kerajaan yang baru mahu membuat unjuran jumlah doktor kontrak yang perlu diserap ke perkhidmatan tetap sedangkan isu berkenaan sudah berlarutan sejak lima tahun lalu.

Ahmad Shukri berkata, sepatutnya apabila hendak membuka fakulti perubatan, farmasi atau klinik perģigian, sekurang-kurangnya asas untuk praktikal dan privasi mesti ada hospital sendiri atau kerjasama dengan hospital swasta.

"Menerusi cara ini, baru tidak membebankan kerajaan dan memberikan faedah kepada pesakit," katanya.

